

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**Y.B. TAN SRI BERNARD G. DOMPOK
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KHIDMAT SOKONGAN PEMASARAN DOMESTIK (KSPD) DAN
SKIM PENSIJILAN KUALITI KOKO
DI DAERAH SERIAN, KUCHING, SARAWAK**

10.00 PAGI, 14 FEBRUARI 2012

Yang Berhormat Datuk Richard Riot Anak Jaem
Ahli Parlimen Serian
Merangkap Menteri Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak

Yang Berhormat Datuk Siringan Gubat
Pengerusi Lembaga Pengelola
Lembaga Koko Malaysia

Yang Berhormat En. Martin Ben
Ahli Dewan Undangan Negeri Daerah Serian, Kedup

Yang Berusaha En. John David
Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri Sarawak

Yang Berusaha En. Samsudin Nor
Setiausaha Bahagian Kemajuan Industri Koko dan Lada
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia

Yang Berusaha Dr. Lee Choon Hui
Ketua Pengarah
Lembaga Koko Malaysia

Dif-dif jemputan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama dengan tuan-tuan dan puan-puan semua, di majlis yang amat bermakna bagi pembangunan industri koko di Sarawak. Saya ucapkan terima kasih kepada Lembaga Koko Malaysia (LKM) yang sudi menjemput saya bagi merasmikan Program Khidmat Sokongan Pemasaran Domestik dan Skim Pensijilan Kualiti Koko Peringkat Negeri Sarawak.

2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada LKM di atas inisiatif yang diambil bagi memperluaskan pelaksanaan Program Khidmat Sokongan Pemasaran Domestik dan Skim Pensijilan Kualiti Koko. Inisiatif ini akan dapat memastikan pekebun-pekebun koko dapat menjual hasil biji koko yang berkualiti pada harga yang berpatutan setimpal dengan harga koko di pasaran dunia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Tanaman koko telah lama diperkenalkan di negara kita iaitu sejak tahun 1770-an atau 240 tahun dahulu. Bermula dari masa itu, tanaman koko telah berkembang maju dengan pesat dan memberi sumbangan penting kepada pembangunan ekonomi negara. Pada tahun 1989, keluasan kawasan tanaman koko di Malaysia ialah seluas 415,000 hektar dengan jumlah pengeluaran biji koko sebanyak 247,000 tan.

4. Namun demikian, keluasan tanaman koko negara telah mulai merosot sejak tahun 2000 berikutan persaingan guna tanah dengan tanaman komoditi lain terutamanya tanaman sawit. Pada tahun 2011, kawasan tanaman koko direkodkan seluas 20,543 hektar dengan pengeluaran sebanyak 5,000 tan, iaitu merosot hampir 70% daripada 16,000 tan pada tahun 2010. Ini disebabkan oleh antara lain perubahan iklim dan pertambahan keluasan baru tanaman koko pada tahun 2011 masih di peringkat awal tanaman dan belum matang untuk pengeluaran hasil.

5. Industri koko merupakan penyumbang kepada pendapatan eksport negara ke 4 terbesar di kalangan sektor komoditi, selepas sawit, kayu kayan dan getah. Nilai eksport koko dan produk-produk koko bagi tahun 2011 dijangka melebihi paras RM4.2 bilion yang dicatatkan pada tahun 2010, berikutan peningkatan harga produk koko sepanjang tahun 2011. Berdasarkan statistik eksport bagi tempoh Januari-November 2011, nilai eksport koko dan produk koko ialah RM3.8 bilion. Destinasi utama pasaran eksport koko ialah Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan negara-negara ASEAN.

6. Pada masa sekarang, harga pasaran biji koko berada ditahap yang memberangsangkan, iaitu pada harga antara RM 6,500 hingga RM 8,000 bagi setiap tan. Pada paras harga ini, apabila produktiviti dalam lingkungan 1 hingga 1.5 tan bagi setiap hektar, tanaman koko memberi pulangan pendapatan yang lumayan dan pasaran yang terjamin. Oleh itu, saya berharap lebih ramai pekebun di daerah Serian akan mengusahakan tanaman koko sama ada pada skala kecil atau secara ladang komersil. Langkah ini juga akan menyokong kapasiti pengisar-pengisar koko di Malaysia iaitu kira-kira 300,000 tan setiap tahun, sedangkan Malaysia hanya mengeluarkan 5,000 tan biji koko pada tahun 2011. Ini bermakna, Malaysia perlu mengimport sejumlah 295,000 tan biji koko dari negara-negara pengeluar lain terutamanya Indonesia, Cote d'Ivoire dan Ghana.

7. Bagi meningkatkan pengeluaran biji koko negara dan membantu memenuhi keperluan biji koko daripada pengisar-pengisar koko tempatan, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM17.8 juta pada tahun ini kepada LKM untuk membangunkan 2,000 hektar kawasan baru tanaman koko dan RM8.4 juta untuk memulihkan 1,000 hektar kawasan tanaman koko yang kurang produktif dan terbiar. Bagi menjamin sektor koko terus berdaya saing, Kementerian telah melancarkan Dasar Industri Komoditi Negara (DIKN) bagi tempoh 2011-2020 yang menyediakan kerangka dasar dan pelan halatuju pembangunan industri komoditi termasuk sektor koko untuk terus berkembang maju. Bagi sektor koko, DIKN telah menetapkan sasaran untuk menambahkan 2,000 hektar setiap tahun kawasan baru tanaman koko supaya keluasan kawasan tanaman koko dapat ditingkatkan daripada 20,543 hektar pada tahun 2011 kepada 40,000 hektar menjelang tahun 2020.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Kementerian melalui LKM sedang melaksanakan pelbagai program pembangunan tanaman koko di Sarawak. Antara program yang dijalankan ialah Program Pembangunan Kawasan Baru Tanaman Koko, Program Pemulihan Tanaman Koko dan Program Konsolidasi Tanaman Koko. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010), LKM telah berjaya memulihkan seluas 6,158 hektar tanaman koko yang kurang produktif melibatkan 6,078 orang pekebun koko. LKM juga telah berjaya menambah seluas 1,225 hektar kawasan baru tanaman koko melibatkan 1,214 peserta melalui Program Pembangunan Kawasan Baru Tanaman Koko.

9. Satu daripada kawasan di Sarawak yang diberi tumpuan untuk pembangunan koko ialah Daerah Serian, khususnya Kampung Bunan Gega, iaitu kampung pertama yang dimasukkan di bawah Program Pemulihan Tanaman Koko (PTK). Pada hari ini, Daerah Serian mempunyai 1,241 hektar tanaman koko di bawah Program PTK yang melibatkan 1,105 peserta. Ini merupakan satu kawasan yang luas dan berpotensi mengeluarkan hasil yang tinggi. Sekiranya kebun-kebun koko dijaga dengan baik dan input pertanian yang disumbangkan oleh Kerajaan digunakan secara betul, Daerah Serian mampu mengeluarkan sekurang-kurangnya 1,800 tan biji koko berdasarkan produktiviti sebanyak 1.5 tan bagi setiap hektar.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Kerajaan pada hari ini amat perihatin dengan kehendak dan keperluan rakyat. Berbagai-bagai inisiatif untuk mentransformasikan ekonomi dan pentadbiran negara telah dilaksanakan bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Ini, antara lain, meliputi pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi

Ekonomi (ETP) dan pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) dan program khusus untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

11. Selaras dengan pelaksanaan inisiatif ini, LKM telah melancarkan Program Khidmat Sokongan Pemasaran Domestik (ringkasnya KSPD) pada 29 Januari 2010. Program ini bertujuan untuk membantu pekebun koko menjual hasil biji koko kering pada harga yang kompetitif, telus dan adil serta mengurangkan kegiatan manipulasi harga oleh orang tengah atau pembeli biji koko. Program ini diharap dapat membantu pekebun koko khususnya di Sarawak menangani masalah pemasaran dan mengurangkan perbezaan harga yang dihadapi oleh pekebun koko, dan dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

12. Pada tahun 2011, program KSPD telah berkembang merangkumi 5 kawasan tanaman koko iaitu Serian, Belaga, Sri Aman, Samarahan dan Bau melibatkan seramai 332 orang pekebun koko dan 7 pembeli koko telah menikmati kemudahan ini. Melalui Program KSPD, LKM telah membantu pembelian biji koko kering sebanyak 45 tan bernilai RM360,000 dengan purata harga RM8.00 sekilogram.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Lembaga Koko Malaysia akan memastikan semua biji koko kering yang dihasilkan di Malaysia memenuhi piawaian Standard Koko Malaysia (SMC). Bagi mencapai hasrat ini, LKM telah memperkenalkan Skim Pensijilan Kualiti Koko yang dilaksanakan secara sukarela bagi memastikan biji koko kering yang dihasilkan oleh pekebun kecil adalah berkualiti dan mendapat harga premium berdasarkan gred yang dikeluarkan.

14. Sebelum ini, kualiti biji koko kering di Sarawak sering dilabelkan sebagai biji koko kering yang 'sub-standard'. Antara punca masalah kualiti biji koko kering Sarawak yang dikatakan 'sub-standard' adalah disebabkan campuran biji koko yang berbeza kualiti. Biji koko dari Sarawak dicampurkan dengan biji koko dari negara jiran dan penggredan biji koko berdasarkan piawaian SMC tidak dilakukan. Oleh kerana persepsi 'sub-standard' berkenaan, harga yang ditawarkan kepada pekebun koko di Sarawak adalah rendah. Ini merupakan salah satu faktor penurunan keluasan tanaman koko di Sarawak dari 75,886 hektar pada tahun 1990 kepada 3,033 hektar pada 2005. Walau bagaimana pun, keluasan tananam koko di Sarawak telah meningkat kepada 9,557 hektar pada 2011 berikutan pelaksanaan Program Pembangunan Kawasan Baru Tanaman Koko yang dilaksanakan oleh LKM.

15. Sebagai langkah untuk mengelakkan pengurangan keluasan yang berterusan, LKM telah melaksanakan Skim Pensijilan Kualiti Koko di Sarawak. Dalam tahun 2010 sebanyak 51 sijil kualiti telah dikeluarkan melibatkan 1,326 tan biji koko kering dan pada tahun 2011 pula, sebanyak 46 sijil kualiti dikeluarkan melibatkan 825 tan. Skim Pensijilan Kualiti ini telah dibuat ke atas urusan biji koko kering melalui Program KSPD. Kualiti biji koko kering yang digred telah menunjukkan peningkatan positif. Gred kualiti SMC 1 telah meningkat dari 4% pada tahun 2010 kepada 24% pada tahun 2011, gred kualiti SMC 2 meningkat dari 10% kepada 13%, gred kualiti SMC 3 meningkat dari 6% kepada 11%, dan gred kualiti 'Sub-Standard' (SS) telah menurun dengan amat ketara dari 80% kepada 52%.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Saya yakin Program Khidmat Sokongan Pemasaran Domestik dan Skim Pensijilan Kualiti Koko akan dapat membantu pekebun koko meningkatkan pendapatan mereka melalui jualan biji koko kering yang bersesuaian dengan kualiti yang dihasilkan. Program ini akan dikembangkan ke seluruh Negeri Sarawak dan Semenanjung Malaysia khususnya kawasan-kawasan yang mana pekebun menghadapi kesukaran untuk menjual hasil, serta menghadapi isu harga biji koko yang jauh lebih rendah daripada harga di pasaran.

17. Akhir kata, saya dengan sukacitanya, merasmikan Program Khidmat Sokongan Pemasaran Domestik dan Pensijilan Kualiti Koko peringkat Negeri Sarawak.

Sekian dan terima kasih.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
14 Februari 2012